

# NARADATA FALSAFAH ISLAM

*Meninjau Aliran dan Perdebatan Kontemporari*

13-14 Mac 2021

9 pagi – 6 petang

**SATU KRITIKAN KE ATAS ISU TERMINOLOGI  
FALSAFAH ISLAM (ISLAMIC PHILOSOPHY)  
OLEH PETER ADAMSON**

*Megawati Moris*

*DEPARTMENT OF USULUDDIN AND COMPARATIVE RELIGION,  
KULLIYAH OF ISLAMIC REVEALED KNOWLEDGE  
AND HUMAN SCIENCES,  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA*

# PENGENALAN

- Semenjak disiplin falsafah Islam diterjemahkan kepada bahasa Inggeris timbul perbincangan dan perbalahan berkenaan apa istilah, terma atau nama dalam bahasa tersebut seharusnya diberi kepada disiplin *falsafah* atau *hikmah* dalam tradisi intelektual Islam.
- Beberapa istilah yang lazim diberi oleh sarjana Barat dan Islam adalah '*Islamic philosophy*', '*Muslim philosophy*', '*Arab philosophy*' dan '*Arabic philosophy*'.

- Kebelakangan ini satu lagi istilah iaitu **'philosophy in the Islamic World'** telah diperkenalkan dan dipopularkan oleh seorang sarjana dan ahli falsafah dari Barat bernama Peter Adamson dari LMU (Ludwig Maximilian University) Munich.
- Adamson berpendapat perkara ini adalah satu isu terminologi dan beliau menggunakan istilah **'philosophy in the Islamic World'** kerana ia paling sesuai dan pada pendapat beliau istilah **'Islamic philosophy'** terlalu "obvious" atau jelas.

# Metod dan Bentuk Kritikan

- 1. Untuk pembentangan ini saya akan mulakan dengan meninjau istilah-istilah yang berbeza diberi kepada disiplin falsafah atau hikmah dalam terjemahannya kepada bahasa Inggeris dan menyanggah mengapa mereka tidak tepat.
- 2. Selepas itu saya akan menunjukkan mengapa nama **'Islamic philosophy'** (falsafah Islam) adalah yang paling tepat untuknya.
- 3. Untuk membuktikan perkara ini, pertamanya saya akan meneliti istilah untuk disiplin falsafah dan hikmah menurut makna yang difahami oleh ahli-ahli falsafah Islam sendiri dalam kerangka tradisi Islam.

- 4. Saya juga akan memberi takrifan atau definisi falsafah Islam yang akan menunjukkan pada keseluruhannya makna hakiki atau sebenarnya falsafah Islam.
- 5. Berikutan itu saya akan menyanggah mengapa istilah 'philosophy in the Islamic world' yang diberi oleh Adamson untuk 'Islamic philosophy' (falsafah Islam) adalah tidak tepat kerana ia tidak menggambarkan makna hakiki falsafah Islam, peranannya dalam tradisi dan sejarah Islam serta pandangan alam, ciri-ciri dan matlamatnya.

- 6. Akhirnya saya akan terangkan mengapa isu terminologi baru yang dibangkitkan oleh Adamson adalah penting dalam implikasinya ke atas kefahaman umum terhadap Islam, tradisi intelektual dan kebudayannya serta penganut-penganutnya.

# Istilah diberi kepada Disiplin Falsafah Islam dalam Bahasa Inggeris

- **1. Muslim Philosophy (Falsafah Muslim)**
- Sanggahan: Pandangan umum adalah tokoh-tokoh falsafah Islam terdiri dari golongan Muslim tetapi ini adalah anggapan yang tidak tepat kerana terdapat tokoh-tokoh Kristian dan Yahudi juga.
- **2. Arabic Philosophy (Falsafah dalam bahasa Arab)**
- Sanggahan: Walaupun bahasa utama karya-karya falsafah Islam adalah dalam bahasa Arab terdapat banyak karya ditulis dalam bahasa Parsi dan bahasa-bahasa Islam lain seperti Turki, Urdu dsbnya.
- Istilah ini menengahkan peranan dan kepentingan pergerakan terjemahan bahasa Yunani-Arab dan bukan konsep dan tradisi falsafah Islam keseluruhannya.



- 3. Arab Philosophy (Falsafah Arab)
- Sanggahan: Ahli-ahli falsafah bukan hanya orang berbangsa Arab tetapi termasuk juga bangsa Parsi, Asia Tengah, Turki dsbnya. Dalam **konteks** ini ada kekeliruan antara bangsa Arab dan bahasa Arab.

# Istilah untuk Disiplin Falsafah Islam dalam Tradisi Intelektual Islam

- 1. Falsafah: Istilah yang telah diArabkan dari perkataan-perkataan Yunani *philo+sophia* (philosophy) bermaksud cinta akan kebijaksanaan atau *hikmah* (love of wisdom).
- 2. Hikmah: Istilah yang telah banyak dibahaskan oleh kerana ia dituntut oleh ahli-ahli falsafah, kalam dan Sufi berdasarkan al-Quran dan Hadis.

- Ahli-ahli falsafah merenungkan definisi falsafah yang mereka warisi dari sumber-sumber kuno dengan yang mereka mengenal pasti dengan al-Quran kerana mereka percaya terma hikmah itu datang dari Allah.
- Di dalam al-Quran terdapat 20 ayat yang mengandungi perkataan hikmah. Salah satu daripadanya yang terpenting membuktikan hikmah itu adalah kurnian Allah dan manusia harus bersyukur atas berkat yang diterima, ialah ayat berikut:

• يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ  
أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ  
(2:269)

- “Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.”

- Ayat-ayat Qur'an di mana *kitab* dan *hikmah* disebutkan bersama. Contohnya:

وَيُعَلِّمُهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ

- “Dan Allah akan mengajarkan kepadanya al-Kitab, Hikmah, Taurat dan Injil. (3:48).
- Ahli-ahli falsafah percaya bahawa konjungsi antara kitab dan hikmah mengesahkan bahawa apa yang Allah turunkan melalui wahyu, Allah juga menyediakan melalui hikmah yang dicapai dengan akal.

- Sarjana-sarjana Islam melihat kenabian merupakan asal hikmah. Ini berdasarkan hadis-hadis yang membuktikan peranan hikmah contohnya:
- “Pemerolehan hikmah adalah tanggungjawab kamu dan kebaikan itu ada pada hikmah.”
- “Hikmah terbit dari sudut kenabian.”
- Ini menunjukkan falsafah Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis. Prinsip-prinsip, inspirasi dan soalan-soalan dalam falsafah Islam bersumberkan wahyu.

# Definisi, Prinsip, Ciri dan Matlamat Falsafah Islam

- 1. Falsafah menitik berat tentang hakikat perkara-perkara yang wujud.
- **Definisi al-Kindi:** “Falsafah ialah ilmu tentang hakikat perkara-perkara yang wujud setakat kemampuan manusia.”
- **Definisi al-Farabi:** “Falsafah adalah ibu segala ilmu dan membicara tentang semua perkara yang wujud.”
- 2. Falsafah berdasarkan pandangan alam Islam: Ia adalah satu penyelidikan tentang Allah sebagai konsep asas dan hakikat iaitu konsep tawhid; hakikat fizikal (alam shahadah) dan hakikat rohani (alam ghaib); dan dunia dan akhirat.

- 3. Falsafah menekankan keyakinan dan kebenaran.
- **Definisi al-Kindi:** “Falsafah adalah untuk mencapai kebenaran (tujuan ilmu teori) dan bertindak mengikut kebenaran (tujuan ilmu praktikal/amali).”
- 4. Falsafah menitik berat ilmu tentang perkara-perkara ketuhanan dan kemanusiaan.
- **Definisi Ibn Sina:** “Kesempurnaan jiwa manusia melalui konseptualisasi perkara-perkara dan membenaran hakikat-hakikat teori dan praktikal setakat kemampuan manusia.”



5. Falsafah Islam berkaitan dengan dimensi luaran atau Shariah dan kebenaran dalaman atau hakikat. Ahli-ahli falsafah menghubungkan falsafah dan hikmah dengan hakikat yang terkandung sebagai intipati al-Quran.
  - Matlamat falsafah Islam ialah untuk mencapai hakikat ia itu kebenaran dan realiti yang berhubung dengan salah satu nama Allah, *al-Haqq*.
  - 6. Falsafah mempunyai dimensi teori (pemikiran) dan amali (menjalankan kehidupan yang berbudi dan berakhlak mulia).
  - **Definisi Shihab al-din al-Suhrawardi:** “Seorang hakim (ahli falsafah) adalah seseorang yang bukan hanya boleh membincangkan konsep dengan bijak tetapi seseorang yang menjalankan kehidupan mengikut kebijaksanaan yang diketahuinya secara teori.”

- **Definisi Mulla Sadra:** “Falsafah adalah penyempurnaan jiwa manusia setakat kemampuan manusia melalui pengetahuan tentang hakikat perkara-perkara dan melalui pembenaran tentang kewujudan mereka, didirikan atas burhan dan bukan dari sangkaan atau tiruan.”
- Metod falsafah adalah burhan (demonstration) yang berdasarkan keyakinan dan bukan atas sangkaan atau tiruan.

# Latar Belakang Peter Adamson

- Sebelum saya menyanggah mengapa istilah **'Philosophy in the Islamic world'** adalah tidak tepat terdahulunya saya akan memperkenalkan tokoh Peter Adamson.
- Peter Adamson (tarikh lahir: Ogos 10, 1972), berasal dari Amerika Syarikat adalah seorang Professor dalam bidang falsafah zaman kuno dan dunia Islam di Ludwig Maximilian University, Munich dan Professor dalam falsafah kuno dan abad pertengahan di Kings College London.

- Beliau mendapat pendidikan dari Williams College dan University of Notre Dame di Amerika Syarikat. Beliau fasih dalam bahasa Inggeris dan German dan mahir dengan teks dalam bahasa-bahasa Yunani kuno, Arab, Latin, Perancis, Sepanyol, Itali dan Parsi.
- Adamson telah menghasilkan banyak karya dalam bidang falsafah yang merangkumi sejarah falsafah dari berbagai tempoh masa dan bahagian dunia seperti judul-judul: *Philosophy in the Hellenistic and Roman Worlds*, *Medieval Philosophy*, *Classical Indian Philosophy*, *Philosophy in the Islamic World* dan dalam bidang falsafah Islam beliau telah menulis buku berkenaan Al-Kindi dan Al-Razi.

- Beliau juga adalah penyampai podcast *History of Philosophy Without any Gaps* yang membicारा mengenai ahli-ahli falsafah dan tradisi falsafah sepanjang zaman. Menurut Adamson tujuan podcast ini adalah untuk menceritakan sejarah falsafah dengan cara yang menghiburkan tetapi tidak terlalu mudah.
- Podcast ini bermula sejak tahun 2010 dan sehingga 2020 ia masih berjalan.
- Sehingga 2019 podcast tersebut telah melampaui 25 juta muat turun, menjalani 350 episod dan mempunyai beribu pengikut.
- Karya-karya beliau dan sambutan diterima menunjukkan pengaruh, populariti dan sumbangan beliau dalam bidang falsafah termasuk falsafah Islam pada masa ini.

# Mengapa Istilah “Philosophy in the Islamic World”?

- 1. Istilah yang diberi oleh Adamson, ‘**Philosophy in the Islamic World**’ (Falsafah dalam dunia Islam) berdasarkan pandangannya bahawa istilah ‘Islamic’ mengetengahkan kepentingan konteks agama tetapi perkara ini bukan sentiasa relevan atau yang paling penting dalam disiplin falsafah Islam.
- 2. Tambahan pula menurut beliau ia mengenenpikan peranan tokoh-tokoh yang bukan Muslim. Mereka terdiri daripada penterjemah-penterjemah Kristian pada abad 2-3 H./8-9 M. seperti Hunayn Ibn Ishaq (k. 873) dan anaknya Ishaq; ahli-ahli falsafah Kristian dari Sekolah Baghdad seperti Yahya ibn Adi (k. 974) dan pemikir-pemikir yang terkemuka dalam tradisi falsafah Yahudi yang ramai tinggal di dunia Islam seperti Saadia Gaon (k. 942) dan Maimonides (k. 1204).

- 3. Adamson juga mengemukakan bahawa pada tempoh terkemudian falsafah Islam terutamanya di bahagian barat dunia Islam disiplin falsafah tidak dipupukkan secara aktif dan ia diteruskan dalam kerangka ilmu kalam. Oleh demikian nama '**Islamic philosophy**' (falsafah Islam) untuk disiplin ilmu kalam adalah tidak tepat.
- 4. Beliau juga menekankan bahawa falsafah Islam berkembang dan terkenal di tiga empayar utama dunia Islam iaitu, Ottoman, Safavid dan Mughal. Walaupun empayar-empayar ini di bawah pemerintahan Muslim tetapi mereka merangkumi juga kebudayaan, agama dan tokoh-tokoh Yahudi dan Kristian. Oleh kerana itu menurut Adamson istilah disiplin itu harus menumpukan tempat di mana disiplin itu hidup dan berkembang iaitu dunia Islam .

# Sanggahan

- Hujah-hujah Adamson tidak mengambil kira konsep dan makna hakiki falsafah Islam sebagai hikmah berdasarkan al-Quran dan Hadis dan seperti telah dibicarakan menurut kefahaman ahli-ahli falsafah Islam.
- Sebaliknya beliau menekankan faktor yang bukan utama seperti faktor geografi, ugama dan tradisi tokoh-tokohnya.
- Makna hakiki falsafah Islam ialah disiplin ini pada asas dan dasarnya mencerminkan pandangan alam Islam yang mengandungi prinsip-prinsip dan ciri-ciri bersumberkan agama dan tradisi Islam.



- Unsur-unsur ini yang menjadikan disiplin falsafah Islam 'Islamik' dan bukan tempat, tradisi atau kebudayaan tokoh-tokohnya.
- Pernyataan Adamson yang istilah 'Islamic philosophy' terlalu 'obvious' adalah satu percanggahan kerana nama sesuatu perkara itu seharusnya menggambarkan makna yang nyata dan jelas berkenaan perkara itu bukan yang sampingan dan tidak 'obvious'.
- Kesimpulannya ialah istilah 'philosophy in the Islamic world' adalah tidak tepat kerana tidak menggambarkan makna sebenar disiplin falsafah Islam dan tidak harus digunakan.

- Isu ini adalah sangat penting oleh kerana menggunakan dan menerangkan istilah yang betul menunjuk bagaimana falsafah Islam adalah Islamik secara asasnya dari aspek pandangan alam, asas, ciri, matlamat, dan kaedahnya.
- Ini menentang fahaman umum bahawa Islam tidak mempunyai tradisi falsafahnya sendiri dan hanya mengambil dari falsafah Yunani.
- Keadaan yang sebenarnya ialah falsafah Islam mempunyai identiti tersendiri dengan konsep-konsep yang telah di Islamisasikan bersumberkan al-Quran dan Hadis dan digabungkan dengan cabang-cabang ilmu lain dalam tradisi intelektual Islam seperti ilmu kalam dan tasawwuf.

# Implikasi

- Falsafah Islam telah mempengaruhi falsafah Latin di Eropah yang mengenali falsafah Yunani melalui kaca mata falsafah Islam.
- Sekali lagi tradisi intelektual Islam dipinggirkan dengan isu penggunaan istilah oleh Adamson yang mengabaikan kepentingan tradisi Islam dan sumbangan sebenarnya kepada dunia.
- Memahami makna dan peranan falsafah Islam (Islamic philosophy) yang benar adalah penting untuk menolak pandangan umum bahawa Islam tidak ada tradisi intelektual yang asli dan kukuh dan oleh sebab kekurangan ini ia bersifat tidak rasional dan intelektual dan juga emotif.

- Bagi pihak umat Islam pada zaman ini pula memahami dan mempelajari makna benar konsep falsafah Islam serta memupuk ilmu-ilmu dalam tradisi intelektual Islam adalah penting untuk mengatasi anggapan salah ini.
- Implikasinya adalah anggapan bahawa umat Islam menggunakan emosi bukan rasionaliti yang boleh mengakibatkan keganasan dalam tindakan mereka dan menjadi penyebab ekstremisme di kalangan sesetengah penganutnya.
- ***Wa Allahu a'lam***